

## KPWKM kerjasama dengan MAFI lahirkan wanita ceburi pertanian hidroponik

Oleh Hidayatidau Razali - Jun 17, 2022 @ 1:38pm  
[bhnews@NSTP.com.my](mailto:bhnews@NSTP.com.my)

BACHOK: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi projek tanaman sayur secara hidroponik dan tanaman hijau khusus untuk golongan wanita.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata perbincangan dan penelitian mengenai projek itu dilakukan dari semasa ke semasa bersama MAFI bagi memperkasakan wanita dalam bidang keusahawanan melalui pelbagai program, insentif serta latihan yang dianjurkan agensi kerajaan dan swasta.

"Kerajaan banyak menyediakan platform kepada usahawan wanita ini untuk terus membangun seterusnya merancakkan ekonomi keluarga dan negara. Fokus juga diberikan kepada usahawan wanita kecil terutamanya suri rumah dan ibu tunggal kerana golongan ini memerlukan sumber pendapatan yang boleh dijana dari rumah," katanya.

Beliau berkata demikian, selepas merasmikan Program Tinjauan Projek Tanaman Sayur Secara Hidroponik dan Tanaman Hijau oleh Komuniti Wanita di Rumah Tamu Bachok di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Beris Kubor Besar di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor.

Rina berkata, bagi projek tanaman hidroponik dan tanaman hijau itu, lima peserta menjadi perintis di Kelantan dan akan dikembangkan lagi kepada 500 peserta di negeri ini yang sudah menghadiri kursus yang diadakan oleh KADA.

"Kita juga bercadang untuk mengembangkan projek ini kepada wanita di seluruh negara untuk memastikan mereka memperoleh pendapatan yang tinggi bagi membantu membangunkan ekonomi keluarga.

"Saya percaya peranan wanita boleh diperkasa dalam bidang pertanian moden sebagai satu kerjaya pilihan yang boleh memberi pendapatan tinggi dan memperkasakan ekonomi wanita.

"KPWKM juga melaksanakan pelbagai program pemerkasaan wanita dengan kerjasama lebih 20 Kementerian dan agensi lain seperti Program Successful Women dan Program TemanNita bersama Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional," katanya.



Rina (dua dari kiri) melawat moden tanaman sayur secara hidroponik selepas merasmikan Program Tinjauan Projek Tanaman Sayur Secara Hidroponik dan Tanaman Hijau oleh Komuniti Wanita di Rumah Tamu Bachok di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Beris Kubor Besar. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar